

马来语高级教程

中国传媒大学非通用语系列教材

第一册
Jilid Pertama



■ 李士君 张丽英 编著

中国传媒大学出版社

中国传媒大学非通用语系列教材

马来语高级教程



第一册

■ 李士君 张丽英 编著

图书在版编目 (CIP) 数据

马来语高级教程 (第 1 册) / 李士君, 张丽英编著. —北京: 中国传媒大学出版社, 2007.7
ISBN 978-7-81085-861-8

I. 马… II. ①李… ②张… III. 马来语—高等学校—教材 IV. H631.1

中国版本图书馆 CIP 数据核字 (2007) 第 108605 号

马来语高级教程 (第一册)

编 著: 李士君 张丽英

责任编辑: 李 颖

责任印制: 曹 辉

封面设计: 阿 东

出版发行: 中国传媒大学出版社 (原北京广播学院出版社)

社 址: 北京市朝阳区定福庄东街 1 号 邮编: 100024

电 话: 65450532 或 65450528 **传 真:** 010—65779140

网 址: <http://www.cucp.com>

经 销: 新华书店总店北京发行所

印 刷: 北京市梦宇印务有限公司

开 本: 730×988 毫米 1/16

印 张: 16

版 次: 2007 年 8 月第 1 版 2007 年 8 月第 1 次印刷

ISBN 978-7-81085-861-8/K · 861 定价: 38.00 元

版权所有

翻印必究

印装错误

负责调换

序

中国传媒大学(原北京广播学院)国际传播学院首批“非通用语系列教材”:《普什图语教程》(上、下册)、《普什图语基础语法》、《孟加拉语教程》(上、下册)、《孟加拉语实用语法》、《尼泊尔语教程》(上、下册)、《荷兰语教程》(上、下册)于2003年正式出版。现在,马来语等非通用语系列教材即将陆续出版,这无疑是一件可喜可贺的大事,也是一个良好的开端。这是各语种老师在语言参考资料极端匮乏、教学任务异常繁重的情况下,夜以继日、不怕寒暑、不怕疲劳、尽职尽责、辛苦劳作而结的丰硕成果。在此,我表示由衷的喜悦,向所有为此付出努力与贡献的老师们表示诚挚的谢意。

我校自1958年起至20世纪80年代共开办过包括英语在内的30多种外语,是当时我国高等院校培养非通用语本科人才的三大基地之一。自1990年开始,逐步恢复与开办的语种已达23种。其中非通用语,如普什图语(阿富汗)、孟加拉语、泰米尔语(印度、斯里兰卡)、荷兰语、世界语、阿萨姆语(印度)、祖鲁语(南非)等均为我校在我国独办的语种;另有一些语种,如斯瓦希里语(东非各国)、葡萄牙语、土耳其语、菲律宾语(原为他加禄语)、希腊语等,均为我国首办的语种。但令人遗憾的是,此前许多语种大多采用的是中国教师与外籍专家现编现教的自编教材。

人类已经迈入21世纪,信息等高新技术迅猛发展,日新月异,世界已经变成了一个“地球村”。世界各国人民之间包括文化在内的各种交流日益频繁,而作为一切交流的媒介载体——语言,越来越显示出其重要作用。特别是,随着我国国力的逐步增强,我国与世界各国和人民之间的交往与日俱增。为适应我国加入WTO和迎接北京奥运会的需要,培养外语非通用语人才的重责无旁贷地落在了我们的身上,中国传媒大学国际传播学院应义不容辞,继续做出自己的贡献。我寄希望于大家。

我热切地希望老师们再接再厉,开拓进取,为编纂出更多、更好、更精的非通用语教科书,为培养高素质、多语种、复合型、有创新能力的非通用语人才而殚精竭虑地工作。你们任重而道远。

中国传媒大学副校长 高福安

编者的话

随着中国和马来西亚两国关系不断深入地发展,两国政府和民间在政治、经济、贸易、外交、旅游等领域的交流日益增多,马来语作为媒介语使用日益频繁,学习和使用马来语的人在不断增加。

为满足更多人学习和使用马来语的需要,中国传媒大学在出版《马来语教程》第一、二册后,继续出版《马来语高级教程》第一、二册,供在校的三、四年级学生和马来语爱好者学习使用。

在基本掌握马来语基础之后,为进一步扩大读者的马来语词汇量、更广泛地掌握和使用马来语,在编写出版《马来语高级教程》第一、二册时,大量选择和引用了马来语原著,其中有马来西亚国家文学奖获得者,著名文学家、剧作家、诗人、评论家等撰写的文章、小说、评论、戏剧、诗歌(包括班顿)以及中国古典和现代题材的长短篇小说等内容,目的是扩大学生的阅读量,增加他们的知识面,提高他们对原著的理解能力、翻译能力和写作能力,有利于他们在实际工作中能更出色地完成各种场合的翻译(口译和笔译)任务。

此书在编写过程中,得到了中国传媒大学副校长高福安和国际传播学院领导的关心和支持;曾应聘在本校任教的马来西亚语文局专家阿兹莎女士(Puan Azizah)也对该教材的编写工作给予了积极的支持。在此一并向他们表示衷心的谢意。

由于时间紧迫,此书编写中,肯定还会有差错或错误,恳请读者提出批评指正。谢谢!

编者 李士君 张丽英

2007年2月

Kandungan 目 录

Pelajaran 1 第一课	1
1. Teks: Firma Asing Perhatikan Pelaburan di Xinjiang China	
2. Bacaan Luas A: Kebangkitan Baru Ekonomi di Asia Timur	
3. Bacaan Luas B: Belajar dari Faktor Penghalang Pertumbuhan Ekonomi China	
. Bacaan Luas C: Lawatan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
Pelajaran 2 第二课	12
1. Teks: Hari Ini Hari Gembira	
2. Bacaan Luas A: Riwayat Hidup Ringkas A. Samad Said	
3. Bacaan Luas B: Majlis Perkahwinan Orang Melayu	
Pelajaran 3 第三课	23
1. Teks: Kenapa Menara Pisa Condong?	
2. Bacaan Luas A: Seni Foto	
3. Bacaan Luas B: Kesesakan Jalan Raya	
4. Bacaan Luas C: Komentar Belanjawan Malaysia 2003 Belanjawan Menyeluruh Seimbangkan Pelbagai Keutamaan	
5. Tatabahasa	
Pelajaran 4 第四课	37
1. Teks: Sosialisasi Media Dalam Masyarakat Moden	
2. Bacaan Luas A: Media Ubah Minda Manusia	
3. Bacaan Luas B: Persaingan Stesen Televiysen Siapakah yang Untung?	
4. Bacaan Luas C: Projek Koridor Raya Multimedia di Malaysia	
5. Tatabahasa	
Pelajaran 5 第五课	52
1. Teks: Uniknya Keturunan Baba dan Nyonya	
2. Bacaan Luas A: Seni Tenun di Sabah dan Sarawak	
3. Bacaan Luas B: Tamu Kota Belud (Negeri Sabah)	
4. Bacaan Luas C: Tarian Lukah (Negeri Sarawak)	
5. Tatabahasa	

Pelajaran 6 第六课	65
1. Teks: Iraq Diserang, SARS Menyerang	
2. Bacaan Luas A: Situasi di Iraq	
3. Bacaan Luas B: Siapakah Sebenarnya Pencetus Keganasan?	
4. Bacaan Luas C: Peristiwa 11 september 2001 di Yew York (Dunia Kini Tidak Lagi Selamat Untuk Didiami)	
5. Tatabahasa	
Pelajaran 7 第七课	81
1. Teks: Baik — buruknya Menonton Filem	
2. Bacaan Luas A: Perlumbaan Haram	
3. Bacaan Luas B: Etnik Cina: Kajian Linguistik Kultural, Karangan Markhamah, Surakarta	
4. Tatabahasa	
Pelajaran 8 第八课	97
1. Teks: Pulau Langkawi	
2. Bacaan Luas A: Keajaiban Antartika	
3. Bacaan Luas B: Gunung Berapi Aktif dalam Diam	
4. Bacaan Luas C: Peranan Peribahasa Melayu	
5. Tatabahasa	
Pelajaran 9 第九课	113
1. Teks: Pengawalan Kalori Rahsia Awet Muda	
2. Bacaan Luas A: Gula - Pembunuhan	
3. Bacaan Luas B: Obesiti - Tepuk Minda Kawal Selera	
4. Bacaan Luas C: Merokok Mengancam Kesihatan Manusia	
5. Tatabahasa	
Pelajaran 10 第十课	129
1. Teks: Perlindungan Alam Sekitar di Malaysia	
2. Bacaan Luas A: Perkhidmatan Kaji Cuaca	
3. Bacaan Luas B: Teknologi SMS Gaya Hidup Terkini	
4. Bacaan Luas C: Malaysia Lengkapkan Diri dengan Senjata Moden dan Canggih	
5. Tatabahasa	

Pelajaran 11 第十一课	146
1. Teks: Cabaran Bahasa Melayu Dalam Abad ke-21	
2. Bacaan Luas A: Isu Bahasa Rojak dan Taraf Bahasa Melayu	
3. Bacaan Luas B: Perjuangan Berterusan Memartabatkan Bahasa Melayu	
4. Bacaan Luas C: Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia (MABBIM)	
5. Tatabahasa	
Pelajaran 12 第十二课	161
1. Teks: Kebangkitan Semula China Sebagai Kuasa Ekonomi Asia	
2. Bacaan Luas A: China Bakal Atasi Jepun dan Korea Selatan	
3. Bacaan Luas B: Nostalgia Hubungan Malaysia dan China	
4. Bacaan Luas C: Krisis Industri Penerbangan	
5. Tatabahasa	
Pelajaran 13 第十三课	174
1. Teks: Konflik Serantau: Sudahkah ASEAN Bersedia?	
2. Bacaan Luas A: Bon Asia: Ke Arah Pembangunan Berterusan Asia	
3. Bacaan Luas B: Cadangan Pembinaan Terusan Kra: Cabaran atau Ancaman Ekonomi	
4. Bacaan Luas C: Kanser - Penyakit Ketumbuhan yang Memerlukan Rawatan Awal	
5. Tatabahasa	
Pelajaran 14 第十四课	195
1. Teks: Lambai Maut AIDS Gugat Dunia	
2. Bacaan Luas A: Penciptaan Organ Tiruan	
3. Bacaan Luas B: Dunia Terus Diancam Kemiskinan	
4. Bacaan Luas C: Filem Tempatan 2003: Kuantiti Bertambah, Kualiti Semakin Baik?	
Pelajaran 15 第十五课	210
1. Teks: Dewi Putih	
2. Bacaan Luas A: Legenda Mahsuri	
3. Bacaan Luas B: Budi Bahasa	
4. Bacaan Luas C: Pesawat Penumpang Terbesar di Dunia	

Pelajaran 16 第十六课 227

1. Teks: Lu Xun Bapa Sastera Modern China
2. Bacaan Luas A: Kong Yiji
3. Bacaan Luas B: Hegemoni Bahasa Inggeris dan Globalisasi Bahasa China

Pelajaran 15 第十五课 211

1. Teks: Reparatur Sebutan China 26,881 Kira-kira 41%
2. Bacaan Luas A: China Pada Astor Pada usia Kolej 21%
3. Bacaan Luas B: Masyarakat Hidupkan Masyarakat dan China
4. Bacaan Luas C: Kritis Jangka-jangka

Pelajaran 13 第十三课 171

1. Teks: Kultir Gestur: Gagasan ASEAN Persegi
2. Bacaan Luas A: Bon Vies: Ke Atas Sempena Hari Peringatan Asia
3. Bacaan Luas B: Gagasan Pemimpinan Terusin Teks: Gagasan akan Mengalih-alihkan Ekonomi
4. Bacaan Luas C: Kunci - Penasari Kelebihan dan Mewujudkan Rasa

Pelajaran 14 第十四课 132

1. Teks: Iaupresian Mat AIDS Geng Duri
2. Bacaan Luas A: Fungsi Otoriti Tirusi
3. Bacaan Luas B: Dari Temasya 2003: Kunci Bersemayam Kunci
4. Bacaan Luas C: Selamat Pelumbang Terperat di Duri

Pelajaran 12 第十二课 100

1. Teks: Dewi Puji
2. Bacaan Luas A: Penentu Masa
3. Bacaan Luas B: Pengispas
4. Bacaan Luas C: Sesawang Pelumbang Terperat di Duri

Pelajaran 1 第一课

1. Teks: Firma Asing Perhatikan Pelaburan di Xinjiang China
2. Bacaan Luas A: Kebangkitan Baru Ekonomi di Asia Timur
3. Bacaan Luas B: Belajar dari Faktor Penghalang Pertumbuhan Ekonomi China
4. Bacaan Luas C: Lawatan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Teks: Firma Asing Perhatikan Pelaburan di Xinjiang China

Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang yang terletak di bahagian barat laut China berkeluasan lebih daripada 1 juta 660 ribu kilometer persegi dan ia merupakan salah sebuah wilayah yang paling luas di China. Untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi Xinjiang, kerajaan Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang telah mengadakan perbincangan ekonomi dan perdagangan dengan negara—negara lain di Urumqi mulai tahun 1992. Sejak itulah perbincangan seperti ini diteruskan setiap tahun untuk mempelawa firma asing bagi mengadakan pelaburan di Xinjiang. Dalam tempoh perbincangan ekonomi dan perdagangan dengan firma asing yang diadakan tidak lama dahulu, terdapat 16 buah projek dengan modal asing telah dilaksanakan. Lebih daripada 500 buah perusahaan modal asing telah beroperasi di Xinjiang, antaranya Jepun, Amerika Syarikat, Australia dan juga modal tempatan dari Provinsi Taiwan serta Kawasan Pentadbiran Istimewa Hong Kong.

Dalam perbincangan ekonomi dan perdagangan dengan firma asing negara lain di Urumqi, ibu kota Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang pada tahun 2004, 3 buah perusahaan yang tergolong dalam kumpulan syarikat sains dan teknologi Rusia telah turut menyertai pameran kali ini. Barang—barang kesenian kraftangan dan pertanian yang berteknologi canggih telah dipamerkan. Usahawan Rusia menyatakan bahawa mereka mengambil berat terhadap sumber pelancongan di Xinjiang dan akan melabur kira—kira 12 juta dolar Amerika untuk menubuhkan sebuah syarikat pelancongan berkongsi dengan salah sebuah syarikat pelancongan Xinjiang.

Sebuah pangkalan penghasilan barang—barang makanan telah didirikan oleh

sebuah syarikat Provinsi Taiwan China di bandar Shihezi yang terletak kira-kira lebih seratus kilometer dari Urumqi. Seorang usahawan syarikat itu berkata, mereka tidak tahu bandar Shihezi pada masa dahulu. Selepas datang ke sini, mereka barulah mengetahuinya bahawa iklim pelaburannya baik dan keadaan sosial dan kemudahan infrastrukturnya juga bagus. Pemimpin kerajaan bandar Shihezi mempunyai pandangan yang luas dan bersikap realistik.

Pengerusi Kerajaan Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang, Abulayati Abduresty berkata bahawa Xinjiang telah menjalinkan hubungan kerjasama perdagangan dengan lebih daripada 70 buah negara. Jumlah keseluruhan import dan eksport tahunan telah mencatat kira-kira 2.2 bilion dolar Amerika. Xinjiang akan terus-menerus memperluas pembukaan pelaburannya kepada dunia luar dengan caranya yang tersendiri. Beliau menambah, terdapat dua perkara yang utama di Xinjiang, iaitu sumber semula jadi dan geologi. Terdapat sumber alam yang kaya di Xinjiang dan disamping itu garis sempadan Xinjiang sepanjang 5,060 kilometer dan ia bersempadan dengan 8 buah negara. Setakat ini, 16 buah pintu keluar masuk di Xinjiang telah dibuka kepada dunia luar. Jalan raya, landasan kereta api, laluan penerbangan awam telah ditambah terutama di kawasan Asia Tengah. Xinjiang akan memperluas dasar buka pintu kepada dunia luar dengan menggunakan sumber-sumber tersebut.

(Dipetik dan disesuaikan daripada Siaran Bahasa Melayu CRI)

Bacaan Luas A : Kebangkitan Baru Ekonomi di Asia Timur

Asia Timur kini muncul sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang paling pesat pada era pasca Perang Dingin. Pada tahun 2000, ekonomi di rantau Asia Timur telah menyumbang sehingga 30 peratus keseluruhan pengeluaran dalam pelbagai sektor ekonomi dan perdagangan. Banyak pihak menyifatkan pertumbuhan ekonomi di negara-negara Asia seperti Jepun dan Korea Selatan serta Provinsi Taiwan dan Kawasan Pentadbiran Istimewa Hong Kong China sebagai satu keajaiban. Namun, kajian yang dilakukan oleh Bank Dunia menunjukkan prestasi cemerlang ekonomi di Asia Timur adalah berdasarkan semangat kerja kuat rakyat negara-negara berkenaan. Sikap pragmatik dan pendekatan dinamik yang digunakan oleh Asia Timur telah berjaya merangsang pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tempoh 30 tahun sehingga mengatasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Nafta (North American Free Trade Agreement) dan Kesatuan Eropah.

Pakar ekonomi meramalkan Asia Timur akan terus mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan untuk tahun — tahun yang mendatang. Keyakinan itu timbul daripada kemampuan Jepun mempertahankan kedudukan sebagai kuasa ekonomi dunia dan kemunculan Korea Selatan sebagai harimau ekonomi Asia yang baru. Manakala negara China yang sebelum ini ketinggalan dalam pelbagai aspek mula memperlihatkan kegarangan sebagai kuasa ekonomi yang semakin menggugat dan mendapat perhatian para pelabur antarabangsa. Dalam tempoh sepuluh tahun lagi, China dijangka akan menjadi naga baru ekonomi Asia dan memainkan peranan yang penting dalam ekonomi global. Adakah kemunculan China sebagai kuasa baru ekonomi akan menggugat kedudukan harimau — harimau ekonomi Asia Timur yang lain?

Persoalan ini sebenarnya tidak sukar dijawab kerana kehadiran China sebagai ‘pemain utama’ dalam ekonomi akan mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi Asia Timur. Walaupun kehadiran China sedikit sebanyak akan menimbulkan persaingan dengan negara — negara Asia yang lain, tetapi pembukaan pasaran China akan memacu lagi pertumbuhan dan perkembangan sektor industri serta perdagangan di rantau ini. Taring para harimau Asia Timur tidak akan tumpul dengan kedatangan naga China. Hal ini kerana negara harimau ini sudah mempunyai landasan yang kukuh dalam bidang ekonomi dan kehadiran China akan memperkuat lagi landasan yang sedia ada itu. Malahan negara — negara Asia Timur akan mendapat banyak manfaat dan keuntungan daripada penyertaan negara China sebagai pemain utama ekonomi dunia.

(Dipetik dan disesuaikan daripada Dewan Ekonomi Malaysia Januari 2004)

Bacaan Luas B: Belajar dari Faktor Penghalang Pertumbuhan Ekonomi China

Sejak beberapa tahun terakhir ini, China telah dianggap sebagai ‘harimau ekonomi’ yang baru ‘bangkit dari tidur lena’ yang panjang. Pada tahun 2003, ekonomi China telah berkembang sebanyak 9.1 peratus iaitu antara yang tertinggi di dunia. China kini dilihat sedang mengetuai beberapa ‘harimau baru’ Asia yang lain seperti Korea dan Malaysia untuk turut bersaing bersama gergasi ekonomi utama dunia khasnya Amerika Syarikat (AS) dan Jepun.

Namun semasa belanjawan negara untuk tahun 2004 dibentangkan pada minggu kedua April lalu, Perdana Menteri China Wen Jiabao menjangkakan pertumbuhan ekonomi China pada tahun 2004 akan berada pada paras 7 peratus sahaja iaitu penurunan sebanyak 2.1 peratus berbanding tahun lalu. Seperti mana

negara lain yang sedang pesat membangun, pemecutan ekonomi China sebenarnya turut dibayangi oleh beberapa asas penting pertumbuhan ekonomi yang kurang mantap.

Pertamanya, China kini amat bergantung dengan import minyak bagi menggerakkan sektor perindustrian dan pembuatannya. Sebagai sebuah negara yang mula bergerak atas asas sektor perindustrian, permintaan terhadap tenaga khasnya minyak dan gas akan terus meningkat secara berterusan. Jika perkembangan ekonomi ini berlaku secara berterusan, China dijangka akan menjadi pengimpor minyak dan gas terbesar di dunia. Keadaan ini memaksa dasar luar Beijing kini dilihat mula berbaik—baik dengan rantau Arab yang mempunyai simpanan minyak dan gas terbesar di dunia. Senario ini akan menyebabkan ekonomi China mudah goyah dalam sekilip mata jika negara pembekal minyak kepadanya itu mengalami krisis atau terdapat gangguan terhadap jalur penghantaran minyak dan gas mereka ke China.

Keduanya, penggunaan sumber asli China adalah melampaui dari jangkaan. Walaupun saiz keluasan China adalah menyamai keluasan AS, namun China perlu menampung jumlah penduduknya yang empat kali ganda lebih ramai dari rakyat AS. Sebagai perbandingan lanjut, AS perlu menyediakan makanan untuk rakyatnya yang kurang dari 300 juta orang dengan keluasan tanah pertanian berjumlah 400 juta ekar, sebaliknya China yang mempunyai penduduk seramai 1300 juta orang hanya mempunyai keluasan tanah pertanian seluas 250 juta ekar sahaja. Situasi ini akan menyebabkan China terpaksa turut menjadi pengimpor makanan terbesar di dunia selain mengimport bahan api. Keadaan ini amat membahayakan China memandangkan keselamatan makanan adalah faktor penting ketika sebarang krisis melanda.

Ketiganya, dalam tempoh beberapa tahun akan datang, pertumbuhan ekonomi China dijangka akan bertukar dari berasaskan eksport kepada import. Ini dapat dikesan apabila semakin banyak bahan mentah dan barang siap terpaksa dimport bagi menggerakkan sektor ekonomi sedia ada. Lompatan lebihan besar dagangan China — Jepun yang memihak kepada Jepun juga adalah penyokong kepada indikator ini. Sekali lagi faktor kekurangan sumber asli menjadi hambatan kepada kebangkitan berterusan ‘harimau’ Asia ini.

Seterusnya, hasil dari pembangunan ekonomi banyak disalurkan bagi tujuan perbelanjaan pertahanan China. Walaupun terdapat dasar untuk mengurangkan peruntukan bagi pertahanan, tetapi pengurangan ini mesti mengambil kira faktor ia tidak akan melemahkan kemampuan bala tentera China secara keseluruhannya.

Justeru itu, pada belanjawan negara 2004 terdapat kenaikan 11.4 peratus peruntukan perbelanjaan untuk ketenteraan. Menteri Kewangan China, Jin Renqing berkata pertambahan peruntukan untuk ketenteraan ini adalah perlu bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan pertahanan dan melengkapkan kekuatan tenteranya dengan teknologi yang lebih tinggi. China tidak mempunyai sekutu pertahanan yang boleh diharap seperti mana Jepun dan Taiwan yang mempunyai AS sebagai mentor pertahanan mereka. Namun jika terlalu banyak peruntukan pertahanan diberikan keutamaan, ia boleh memberi kesan terhadap daya saing ekonomi China untuk tempoh jangka panjang.

Faktor penghalang kelima terhadap pertumbuhan berterusan ekonomi China ialah faktor kekurangan pencipta inovasi teknologi tempatan. Sehingga kini pembekalan utama inovasi teknologi di China masih didominasi oleh AS. Keadaan yang sama turut dihadapi oleh Jepun. Jangkaan awal bahawa inovasi teknologi akan bermula dari Jepun selepas Jepun berjaya menjadi negara peneraju ekonomi dunia masih belum menjadi kenyataan. Realitinya sehingga kini, kebanyakan penciptaan teknologi di Jepun masih dipelopori oleh pakar teknologi asing yang berkhidmat di Jepun manakala masih ramai saintis Jepun yang bertindak berhijrah ke AS untuk terus menagih pengalaman berharga teknologi dunia barat. Suasana yang sama berlaku di China malah lebih parah lagi akibat adanya hubungan darah yang masih kuat antara China Tanah Besar dengan Cina di AS. Dikatakan komuniti Cina terbesar di dunia yang berada di luar Tanah Besar China berada di California. Pakar teknologi China pula didapati berterusan berhijrah ke AS yang menjanjiikan lebih banyak kemudahan dan kebebasan untuk berinovasi. Lebih memeritkan apabila sukar memperolehi pakar teknologi AS atau Eropah yang bersedia berinovasi dengan berpangkalan di China.

Faktor yang lebih kritikal yang boleh menghalang pertumbuhan pantas ekonomi China secara berpanjangan ialah kebergantungan China terhadap AS sebagai pasaran eksport mereka. Dasar perdagangan bebas yang dipelopori oleh AS bagaikan ‘keris menikam tuan’ apabila barang buatan dari China yang murah telah mula membanjiri pasaran AS. Namun keadaan ini dijangka tidak akan kekal lama apabila dasar ini dijangka akan dipinda oleh AS melalui tindakan perlindungan kepada industri mereka atau memberi makna baru kepada konsep dasar perdagangan bebas.

Ini bermakna, jika China kelihangan pasaran terbesar eksportnya ini, ia pasti memadamkan kadar pertumbuhan yang dicapai sebelum ini. Pengalaman yang dialami oleh Jepun perlu diberi perhatian oleh China dan negara pesat membangun

yang lain apabila AS memperkenalkan langkah perlindungan dan memaksa Jepun menaikkan kadar Yen. Akibatnya Jepun mengalami tempoh panjang keadaan ekonomi yang tidak berganjak. China mungkin akan mengalami nasib yang sama seperti Jepun.

Kesimpulannya, kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi baru dunia boleh terhalang dengan mudah kiranya semua faktor yang dinyatakan tidak mampu ditangani dengan baik oleh para pemimpin Beijing. Malaysia sebagai sebuah negara yang ingin menuju negara maju dalam tempoh tidak sampai 16 tahun lagi perlu juga bersedia dan belajar serta mengambil tindakan proaktif dalam menangani faktor-faktor yang sama yang dihadapi oleh ekonomi China.

Sumber asli negara perlu dipastikan diurus tadbir secara lestari bagi memastikan sumber bahan api dan sumber bahan mentah khasnya untuk sektor perindustrian mampu digunakan secara mapan. Ini akan mengelakkan Malaysia bergantung kepada negara luar untuk bahan asas perindustriannya.

Sektor keselamatan makanan perlu terus diberikan perhatian oleh pucuk pimpinan negara sebagai satu aspek keselamatan terpenting negara. Usaha menggiatkan kembali sektor asas tani merupakan tindakan bijik barisan kepimpinan Malaysia. Rakyat negara ini perlu bersama-sama mengurangkan penggunaan makanan import jika produk yang sama boleh diperolehi di negara sendiri.

Pembangunan sumber manusia secara terancang perlu dibuat bagi memastikan ‘human capital’ sentiasa mencukupi menampung keperluan negara. Lebih ramai pereka dan pencipta teknologi baru perlu dilahirkan dari kalangan anak jati Malaysia. Ruang dan peluang untuk para saintis berinovasi perlu mendapat sokongan pelbagai pihak.

Usaha mendapatkan pasaran baru dan rakan dagang yang lebih ikhlas perlu dipergiatkan. Kesempatan selaku Pengerusi OIC dan Pengerusi NAM perlu digunakan sebaik mungkin untuk memperkuuh ekonomi negara dan negara kumpulan berkenaan.

Sesungguhnya, Malaysia sudah punya acuan dan ramuan terbaik serta berada di landasan yang betul untuk menjadi sebuah negara Islam yang maju. Seluruh rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk merealisasikan impian besar kita pada tahun 2020. Jangan sampai seperti kata pepatah “basah kuyup mandi peluh, tanam padi lalang yang tumbuh”.

(Diubahsuai daripada Dewan Ekonomi Jun 2004)

Bacaan Luas C: Lawatan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pada suatu hari, kami sekeluarga berkunjung ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Inilah kali pertama aku menjakkan kaki di kampus Bangi. Sebelum itu, aku hanya mendengar namanya saja.

Tujuan kunjungan kami ke sana adalah untuk menghadiri majlis konvokesyen kakaku. Kakaku yang baru saja menamatkan pengajian dalam bidang ilmu kedoktoran akan menerima skrolnya daripada Ke Bawah Duli Paduka Seri Tuanku Canselor.

Oleh sebab tidak memiliki pas, aku tidak dibenarkan masuk ke Dewan Canselor Tun Abdul Razak, tempat berlangsungnya majlis penganugerahan ijazah. Jadi, ayah dan ibu saja yang mengiringi kakak.

Sementara menunggu majlis konvokesyen kakak selesai, aku bercadang melawat ke Pesta Konvo yang diadakan di stadium universiti. Sebelum ini, banyak cerita yang menarik tentang keistimewaan pesta konvo aku dengar. Aku tidak ingin melepaskan peluang menyaksikan pelbagai bahan pameran dan barang jualan yang terdapat di situ. Aku tetap ke sana walaupun terpaksa keseorangan.

Oleh itu, tanpa berlengah lagi, aku bergegas ke sana. Semasa melangkah, tiba-tiba aku terasa bahuku ditepuk orang. Aku terkejut lalu menoleh ke belakang. Rupa-rupanya Suhana, rakan sekelasku yang datang mengiringi sepupunya untuk majlis yang sama. Malangnya, dia senasib dengan aku kerana tidak mempunyai pas masuk juga.

Oleh itu, Suhana dapat menemaniku. Gerai pertama yang mencuri tumpuan kami ialah gerai yang memperkenalkan artifak-artifak zaman purba, The Perak Man. Kami menghabiskan masa kira-kira dua puluh minit untuk memperoleh berbagai-bagai maklumat tentang sejarah tamadun awal manusia. Kini, fahamlah saya betapa susahnya kehidupan orang-orang dahulu kala.

Kemudian, kami singgah di gerai yang khusus memperkenalkan hasil penemuan dan barang-barang ciptaan para sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara bahan pameran yang memikat hati kami termasuklah robot, kereta solar, sistem penggera, sistem tebatan banjir dan lain-lain lagi. Minatku terhadap bidang sains dan penyelidikan semakin membara setelah menyaksikan barang-barang pameran tersebut.

Selain itu, yang tidak kurang menarik perhatian kami ialah gerai yang memperkenalkan dan menjual ratusan ekor ikan hiasan. Terdapat ikan-ikan yang

hargaanya menjangkau puluhan ribu ringgit. Hatiku terpegun seketika mengenangkan kekuasaan manusia mencipta keindahan yang sukar diucapkan. Terputik minat dalam hati kecilku untuk memiliki ikan flower horn. Namun, apakan daya harga yang ditunjukkan di luar kemampuanku. Maka terpaksa aku memendamkan hasrat itu sehingga aku mula bekerja kelak.

Satu lagi gerai yang berjaya menambat hatiku dan Suhana ialah gerai cenderamata. Jumlah cenderamata yang dipamerkan tidak terpermanai banyaknya hingga rambang mata kami dibuatnya. Antaranya termasuklah barang — barang kraf tangan dari penduduk pribumi Sabah dan Sarawak serta hasil buah tangan Orang Asli untuk dijual kepada orang ramai. Tidak sempat kami meneliti setiap barang yang dipamerkan. Setelah melihat — lihat, aku membeli sebuah cawan pewter berlogokan UKM sebagai kenang — kenangan.

Seterusnya, kami melangkah ke gerai menjual komputer dan pelbagai perkakasan. Komputer berbentuk “Notebook” paling menarik minatku. Tanpa berlengah lagi, aku mengajukan beberapa pertanyaan kepada jurujual yang bertugas di situ. Kini, barulah aku tahu bahawa dunia komputer begitu maju sekali. Rupa — rupanya aku yang ketinggalan zaman. Kelebihan komputer ini ialah mudah dibawa ke mana — mana. Aku akan meminta ayah membelikan aku sebuah komputer “Notebook” untuk tugasan sekolah.

Jam di tangan menunjukkan 12.30 tengah hari. Antara sedar dengan tidak, kami sudah berada di sini hampir tiga jam. Rupa — rupanya masa berjalan begitu cepat. Namun, kami masih berlegar — legar di sekitar tapak pesta. Ada separuh lagi gerai yang belum sempat kami kunjungi. Suhana mengajak aku berehat seketika kerana perutnya mula berkeroncong. Lalu aku menemani Suhana makan tengah hari di salah sebuah gerai makan. Begitu berselera sekali dia menjamah nasi putih berlaukkan sambal tumis, ikan goreng dan pucuk paku masak gulai kerana terlalu lapar.

Sejurus selesai Suhana makan, kami bercadang meneruskan lawatan ke gerai — gerai lain. Namun, hasrat itu tidak kesampaian kerana kakak datang mendapatkan aku. Sesi penganugerahan ijazahnya sudah selesai. Kakak meminta aku bergambar bersama dengannya, di samping ibu dan ayah. Oleh itu, aku terpaksa berpisah dengan Suhana.

Sesudah selesainya sesi bergambar di luar Dewan Canselor Tun Abdul Razak, kakak ditemu ramah oleh pihak TV3. Rupa — rupanya kakakku muncul sebagai siswazah cemerlang dengan memenangi Hadiah Buku Naib Canselor bernilai RM 2000. Ucapan tahniah datang mencurah — curah daripada rakan — rakan sekursus